

26 APR 2001

Mahathir-Berlepas (Bergambar)

DR MAHATHIR BERLEPAS KE UAE UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Dubai untuk lawatan kerja selama dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri berlepas dari pengkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang pada pukul 8.15 pagi.

Isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir.

Setiba di Dubai, Dr Mahathir akan mengunjungi rakan sejawatannya Sheikh Maktoum Rashid Al-Maktoum yang juga naib presiden UAE dan pemerintah Dubai.

Dr Mahathir kemudian akan menyampaikan ucap-tama kepada tokoh-tokoh korporat dan perniagaan pada persidangan mengenai peranan negara-negara Islam dalam menghadapi cabaran di abad ke-21 anjuran Emirates International Forum.

Ini merupakan kali kedua selepas 1998 beliau dijemput berucap pada persidangan tahunan itu.

Dr Mahathir juga akan melawat Dubai Internet City, Emirates Hills dan Dubai Marina serta menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman antara Dubai Internet City dan Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia, dan satu lagi, antara Dubai International Airport, Dubai Internet City dan AirportXchange, sebuah syarikat Malaysia yang membangunkan sistem pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Perdana Menteri dijadual menghadiri jamuan malam bersama masyarakat Malaysia di Dubai yang dianjurkan oleh Kelab Malaysia UAE. Terdapat 200 ahli professional dan perniagaan yang bekerja di UAE iaitu di Abu Dhabi, Dubai dan Sharjah.

Pada hari kedua lawatannya, Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jumeirah dan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Sheikh Mohammed.

Pada petangnya, beliau akan mengunjungi Burj Al-Arab, sebuah hotel terkenal di Dubai.

Perdana Menteri dijadual kembali ke tanah air Sabtu ini.

-- BERNAMA

AR ES ES